


# Covid-19



INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA

Aras 10, Menara KBS, Lot 4G4, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62570 Putrajaya, Malaysia

Tel: +603-8871 3705 Faks: +603-8871 3342

E-mail: info@ippbm.gov.my

[www.ippbm.gov.my](http://www.ippbm.gov.my)




LAPORAN TAHUNAN 2010 ■

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA

# LAPORAN TAHUNAN 2010


INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA



RESEARCH


DISSEMINATION OF INFORMATION

NETWORKING



## LAPORAN TAHUNAN 2010


INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



IPPBm adalah sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk mencapai matlamatnya, Institut ini akan melaksanakan pelbagai jenis program penyelidikan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujudkan program penyelidikan dan latihan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah sebuah pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.

Data Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan  
Perpustakaan Negara Malaysia  
ISSN: 1985-5893 9771985589002

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia  
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia  
Aras 10, Menara KBS, Lot 4G4, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62570 Putrajaya, Malaysia  
Tel : +603 - 8871 3705 Faks : +603 - 8871 3342  
E-mel : info@ippbm.gov.my  
Laman web : www.ippbm.gov.my





Profil Korporat.....	1
Pengurusan.....	5
• Carta Organisasi.....	6
• Lembaga Pengarah.....	7
• Warga IPPBM.....	8
Ulasan Pencapaian.....	11
Penyelidikan.....	17
Sebaran Maklumat.....	21
Khidmat Pakar.....	31
Laporan Kewangan.....	35
Artikel IPPBM.....	41
Galeri.....	45

<b>Corporate Profiles.....</b>	<b>1</b>
<b>Management.....</b>	<b>6</b>
• Foreword by the Director.....	7
• Board of Directors.....	8
• Employees of IPPBM.....	9
<b>Reviews Performance.....</b>	<b>11</b>
<b>Research.....</b>	<b>17</b>
<b>Spread of Information.....</b>	<b>21</b>
<b>Consultancy Services.....</b>	<b>31</b>
<b>Financial Report.....</b>	<b>35</b>
<b>IPPBM Article.....</b>	<b>41</b>
<b>Gallery.....</b>	<b>45</b>


# KANDUNGAN CONTENT



Confidential



## PROFIL KORPORAT



## PROFIL KORPORAT CORPORATE PROFILES

Ditubuhkan pada 15 Mei 2005, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) adalah sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

Untuk mencapai matlamatnya, Institut ini melaksanakan pelbagai jenis program penyelidikan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujudkan program penyelidikan dan latihan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah sebuah pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.

### VISI

Menjadi Pusat Serantau yang terkenal dengan maklumat dan pengetahuan yang berasaskan penyelidikan berkaitan dengan Dasar dan Pembangunan generasi muda dan menjadi Pusat Penyelidikan Nasional dalam pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda.

### MISI

Misi Institut ini adalah untuk meningkatkan kerjasama dan penggembelangan tenaga akademik, pengamal dan ahli komuniti yang beminat dengan pembangunan belia untuk bersama-sama mengkaji isu-isu belia daripada pelbagai dimensi agar dapat menjadi input kepada dasar, mencari penyelesaian yang bermakna terhadap pelbagai masalah yang dihadapi oleh belia, dan juga mempromosi agenda tindakan baru yang akan meningkat pembangunan positif terhadap belia dan negara.

In 15 May 2005, Malaysian Institute for Research in Youth Development (IPPBM) was established as a national research centre which focused on various discipline and aspect of youth development and its connection in the ever change which occur in the national level, regional and international.

In order to achieve our target IPPBM will execute various type of research programs; organizing conference, workshop, talk and seminar; publishing journal, research pamphlets; developing research programs and training; also provides various research facilities such as a library and database with regards to youth development.

### VISION

Becoming a well-known regional hub of information and knowledge based on research relates with the policy and young generation development and becoming the national research centre in various aspects in flow of young generation and development.

### MISSION

To improve cooperation between academician, practitioner and member of the community those are interested in research with regard to the youth development attending youth issue from various dimension that can become input to the policy, finding solutions for various problems faced by the youth, and promote new act agenda that will increase positive development for the youth and country.



## MATLAMAT

- Untuk memastikan maklumat yang sesuai dan mencukupi diperolehi untuk membantu kerajaan menggubal dan melaksana dasar-dasar yang berkaitan dengan pembangunan belia negara;
- Untuk menggalak dan melaksanakan penyelidikan dalam pelbagai aspek kehidupan sosial, ekonomi dan politik belia agar impaknya kepada generasi muda dapat dikenal pasti;
- Membantu kerajaan mengenal pasti dan mengambil tindakbalas kepada kekurangan dan duplikasi dalam perkhidmatan kepada generasi muda yang timbul daripada pelbagai latar belakang dan keadaan, serta mengesyorkan tindakan pembangunan yang sewajarnya;
- Bekerjasama dengan pusat penyelidikan tempatan dan antarabangsa dan mewujudkan satu rangkaian untuk memanfaatkan usaha penyelidikan dan penggembelengan sumber sedia ada;
- Untuk menyebarkan maklumat mengenai generasi muda kepada pihak yang bertanggungjawab melalui penyelidikan dan penerbitan yang berkualiti dan sesuai dengan perlaksanaan dasar awal;
- Mengurus usaha penyelidikan yang berkaitan dengan pembangunan belia dan projek-projek khas yang dikenal pasti oleh kerajaan.

## PERKHIDMATAN DAN AKTIVITI

Perkhidmatan dan aktiviti institut ini merangkumi aspek-aspek berikut:

- Penyelidikan asas dan gunaan.
- Bantuan dan sokongan penyelidikan.
- Penyebaran maklumat dan pendidikan.
- Jaringan dan perkongsian pintar.

### Teras Penyelidikan Asas Dan Gunaan

- Gaya hidup, tingkah laku delinquen dan masalah sosial belia.
- Indikator sosial dan kesejahteraan hidup belia.

## OBJECTIVE

- To ensure adequate and suitable information acquired to help the government enact and implement policies related to the country youth development;*
- To promote and implement the research in various aspects of social life, economy, and youth politics so that the impact to young generation can be ensured;*
- Help the government to identify and take action for shortage and duplication of services given to the young generation that arise from various background and state and recommend development action duly;*
- Collaborate with the local and international research centre to create network, which will benefit the research effort and be used for the present resources;*
- Disseminate information about young generation against whom responsible through research and having quality publication that are suitable with the early implementation of the policies;*
- Managing research those related with youth development and special-projects identified by the government.*

## SERVICES & ACTIVITIES


IPPBm services and activities compromised of the following aspects:

- Basic Research and Usage.
- Research Facilities.
- Information Dispersion and Education.
- Networking and Smart Partnership.


### Basic research and usage

- Lifestyle, delinquent behavior and youth social problem.
- Youth Indicator on Social and Well-Being.





- Globalisasi budaya dan media.
- Pendidikan dan pekerjaan.
- Hubungan antara generasi, isu-isu etnik dan masyarakat pelbagai budaya.
- Pembangunan dan peningkatan kapasiti.
- Demokrasi dan sosialisasi politik.
- Rakan pembangunan dan urus tadbir.
- Kajian impak dan keberkesanan.



#### Bantuan dan Penyelidikan

- Menyediakan perpustakaan dan pusat sumber.
- Mewujudkan Portal Belia untuk mendapatkan akses kepada maklumat mengenai belia.
- Membangunkan pangkalan data belia.
- Bekerjasama dengan perpustakaan rakan kongsi bagi tujuan memperluaskan rangkaian sumber rujukan.
- Menaja penyelidikan berkaitan pembangunan belia.



#### Penyebaran Maklumat dan Pendidikan

- Menerbitkan surat berita menghebahkan aktiviti institut.
- Menerbitkan berita penyelidikan.
- Menganjurkan seminar, bengkel dan syarahan awam.

#### Jaringan dan perkongsian pintar

- 'Partner network' antara institut penyelidikan dalam dan luar negara.
- 'Research network' antara penyelidik-penyelidik dalam dan luar negara
- 'Sponsor Networks' antara penyumbang dan penaja aktiviti institut.

- *Globalization, Culture and Media.*
- *Education and Career.*
- *Intergenerational Relation, Ethnic Issues and Multicultural Society.*
- *Capacity Increment and Development .*
- *Democracy and Political Socialization.*
- *Management and Peer Development.*
- *Effectiveness and Impact Research.*

#### Research Facilities

- *Library.*
- *Youth Portal.*
- *Developing a Youth Database.*
- *Collaborating with other library in order to enlarge the source of information.*
- *Providing Research Grant Which Relates to Youth Development.*

#### Information Distribution and Education

- *Publishing Bulletin for the Institute.*
- *Publishing Research News.*
- *Organizing Seminar, Workshop and Luncheon Talk.*

#### Networking and Smart Partnership (Local and International)

- *'Partner Networks' With Other Research Institute or University.*
- *'Research Networks' among other researcher.*
- *'Sponsor Networks' between funder and institute's activities sponsor.*




Confidential



## Pengurusan

# CARTA ORGANISASI

confidentia



## LEMBAGA PENGARAH

### PENGERUSI



**DATO' DR. JUNAIDY BIN ABD. WAHAB**

Setiausaha Politik,  
Menteri Belia Dan Sukan

### AHLI-AHLI



**TUAN BORHAN BIN DOLAH**  
Ketua Pengarah,  
Jabatan Belia dan Sukan Negara  
Kementerian Belia dan Sukan



**EN. MOHAMED MALIKI BIN  
MOHAMED RAPIEE**  
Presiden,  
Majlis Belia Malaysia



**EN. MADZRIB BIN IBRAHIM**  
Timbalan Ketua Pengarah,  
Bahagian Pembangunan Belia



**PROF MADYA DR. ASYRAF WAJDI  
BIN DATO' DUSUKI**  
Head,  
Research Affairs International  
Shari'ah Research Academy for  
Islamic Finance (ISRA)



**DATUK HJ. MOHD ALWI  
BIN CHE AHMAD**  
ADUN Kok Lanas



**HAJI ZAKARIAH BIN MD. SAM**  
(Setiausaha Lembaga Pengarah)  
Ketua Pegawai Operasi,  
Institut Penyelidikan Pembangunan  
Belia Malaysia





HAJI ZAKARIAH BIN MD. SAM  
Ketua Pegawai Operasi

## I. BAHAGIAN PERANCANGAN & PENYELIDIKAN

- CAWANGAN PENYELIDIKAN



ZULFADHLI BIN ABD AZIZ  
Eksekutif Penyelidik Kanan 1



MASTURA BINTI MOHAMAD  
Eksekutif Penyelidik



SHAHHANIM BINTI YAHYA  
Eksekutif Penyelidik



SHARIFFAH BINTI MAMAT  
Eksekutif Penyelidik



DYMPHNA J. LINGKAYAN  
AKOI  
Eksekutif Penyelidik



NURUL SALHA BINTI  
SALEH  
Pembantu Penyelidik



MOHD RIZAL BIN SHAM  
Pembantu Penyelidik



NABILA BINTI MAT ISA  
Pembantu Penyelidik



RAZIMAN BIN JORAIMI  
Pembantu Penyelidik



MOHD NOR AZAM BIN  
KAMARUDIN  
Pembantu Tadbir



NOR ZARIFAH BINTI  
MARUN  
Pembantu Penyelidik

- CAWANGAN PERANCANGAN PROGRAM DAN KOMUNIKASI KORPORAT



SURAYA BINTI SULAIMAN  
Eksekutif Penyelidik Kanan 2



NADYA SHAFFINAZ BAJURI  
Pegawai Penyelaras Data  
dan Penerbitan




MOHD ZAILAN BIN JALANI  
Pembantu Penyelidik



NOOR 'AYU BT SHARIF  
Pembantu Tadbir



## WARGA KERJA



### II. BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

- UNIT PENTADBIRAN & PENGURUSAN SUMBER MANUSIA



NURUL MIZAAN BINTI  
YA'COB  
Pegawai Tadbir



RAJA SHAHIDA BINTI  
RAJA HASSAN  
Penolong Pegawai  
Tadbir



NURITA FARIZA RAHIM  
Pembantu Tadbir  
(Kesetiausahaan)



WAN NOR ZAIDA BINTI  
WAN ZAIN  
PEMBANTU TADBIR



ARIFFIN BIN ABD  
RAHMAN  
Pembantu Am Pejabat



MUHAMMAD MUSLIM  
ZAKARIA  
Pembantu Am Pejabat



MOHD NOORSHAM BIN  
CHE' MAT  
Pemandu

- UNIT KEWANGAN & PEROLEHAN



MOHD FARIUS BIN BUJANG  
Penolong Akauntan



SITI AISYAH BINTI MAT RAWI  
Pembantu Tadbir Kewangan



SARTINA BINTI SAFIAN  
Pembantu Tadbir Kewangan

- UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT



NOR HAMIDAH BINTI HAMZAH  
Pegawai Teknologi Maklumat



HASDURA BINTI ABD HAMID  
Penolong Pegawai Teknologi  
Maklumat



WAN ACHMAD SYAFIQ FIRZA BIN  
WAN RAMLI  
Juruteknik Komputer



Confidential



## ULASAN PENCAPAIAN



## ULASAN PENCAPAIAN KETUA PEGAWAI OPERASI COO'S OVERVIEW

Tahun 2010 merupakan tempoh terakhir bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke Sembilan. Berdasarkan Misi Nasional dan kesedaran betapa pentingnya usaha bersama dalam memastikan pencapaiannya, tema RMK-9 Bersama Ke Arah Cemerlang, Gemilang dan Terbilang diperkenalkan. Setiap rakyat bertanggungjawab di samping berperanan dalam pembangunan nusa dan bangsa. Hasrat untuk mencapai status negara maju hanya dapat direalisasikan melalui komitmen dan sumbangan berterusan setiap rakyat.

Menyedari hal itu, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) turut terpanggil untuk menyumbang ke arah pembangunan negara dengan membantu dalam pembangunan modal insan. IPPBM mengambil langkah dengan menjalankan pelbagai penyelidikan berkaitan pembangunan belia bagi menyokong perancangan dan pelaksanaan program-program yang diusahakan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) agar mampu memberi impak yang maksimum kepada golongan belia itu sendiri semasa mengikuti program KBS.

Sepanjang tahun 2010, IPPBM telah berjaya mencapai sasaran Petunjuk Utama Prestasi (KPI) dengan berjaya melaksanakan 30 kajian daripada yang disasarkan iaitu 26 kajian serta 11 bantuan geran penyelidikan. IPPBM telah mengkategorikan penyelidikan yang dijalankan kepada beberapa kategori iaitu kajian isu pembangunan belia, kajian impak dan keberkesanannya program dan pembangunan fizikal KBS, kajian pendapat awam isu semasa dan juga kajian sosialisasi politik.

The year 2010 was the last period of the Ninth Malaysia Plan. Under the National Mission and the awareness of the importance of joint efforts in ensuring the achievements, the theme of the Ninth Malaysia Plan, Together Towards Excellence, Glory and Distinction was introduced. Every citizen is responsible and has a role in the development of this nation. The desire to achieve developed nation status can only be realized through the commitment and ongoing contribution of all citizens.

Recognizing this, the Malaysian Institute for Research in Youth Development (IPPBM) called to contribute to national development by assisting in the development of human capital. Through studies and research related to youth development carried out by IPPBM, which is to support the planning and implementation of programs developed by the Ministry of Youth and Sports (KBS) in achieving maximum impact to the youths themselves on KBS program.

During the year 2010, IPPBM have achieved the target Key Performance Index (KPI) that is successfully performing the 30 studies from the targeted 26 studies with 11 research grants. IPPBM conducted studies on youth development issues, impact and effectiveness of the program and physical development of KBS and at the same time conducted public opinion survey on current issues and studies of political socialization.



Bagi menyokong pelaksanaan kajian-kajian di IPPBM, turut diadakan program-program berbentuk ilmiah bagi mendapatkan maklumat dan data bagi sesuatu kajian yang dilaksanakan. IPPBM telah berjaya melaksanakan 5 program berbentuk seminar, konvensyen dan dialog. Antara program yang dilaksanakan adalah Konvensyen Hari Belia 2010, program Dialog YB Menteri Belia dan Sukan Bersama Pemimpin Pelajar dan Persatuan di IPT Awam, 2 siri Persidangan Meja Bulat yang bertemakan 'Industri Sukan:Satu Sorotan Literatur' dan 'Mengenal Generasi'. Di samping itu juga, turut diadakan sebanyak 12 siri program 'Transformasi Usahawan Belia Berdaya Saing Dalam Pelbagai Sektor Perniagaan'. Program ini bertujuan membantu dalam pelaksanaan kajian impak Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB). Persidangan Meja Bulat tersebut dilaksanakan bagi menyokong dan mendapatkan maklumat awal untuk kegunaan Makmal Industri Sukan dan Makmal Transformasi Pembangunan Belia yang telah ditubuhkan oleh pihak KBS.


Di samping itu, IPPBM juga turut melaksanakan penerbitan berkala bagi penyebaran dan perkongsian maklumat kepada pihak awam berkaitan generasi belia. Sepanjang tahun 2010, IPPBM telah berjaya menerbitkan 2 edisi *Malaysian Journal of Youth Studies* iaitu Edisi Khas Belia dan 1 Malaysia untuk keluaran Jun 2010 dan Disember 2010. Selain itu juga IPPBM turut menerbitkan sebuah buku berdasarkan kajian yang dilaksanakan iaitu berjudul 'Belia Berisiko: Profil, Faktor Penyebab & Intervensi'. Bagi memperluaskan lagi maklumat, IPPBM turut menerbitkan buletin yang dikenali sebagai 'Buletin Fakta IPPBM' sebanyak 4 edisi pada tahun 2010. Ini sebagai satu usaha IPPBM dalam memperkayakan sumber maklumat dan memperluaskan lagi perkongsian maklumat kepada semua stakeholder dan para belia di luar sana.


Dalam abad ke-21 ini, perkembangan dan penggunaan teknologi maklumat menjadi suatu kemestian dan pilihan kepada pengguna atau pelanggan untuk mendapatkan maklumat berkaitan sesuatu agensi dengan cepat dan mudah. Oleh itu, IPPBM sentiasa mengambil langkah proaktif dan sentiasa menambahbaikkan Khidmat Portal IPPBM.

To support the implementation of these studies, IPPBM also held academic programs to gather information and data for a study carried out. IPPBM manage to hold five programs that had been successfully implemented in the form of seminars, conventions, and dialogue. Those programs were Youth Day Convention 2010, the Dialog Between Minister of Youth and Sports with the Association of Student Leaders at public institutions of higher learning, 2 series of Roundtable Conferences with the theme of the Sports Industry: A Literature Highlights and themes of "Knowing Generation". In addition, IPPBM also held series of 12 programs on Competitive Youth Entrepreneurs Transformation in various business sectors. These programs aim to assist in the implementation of impact studies on Youth Economic Fund Scheme (STEB). For Roundtable Conferences, it is to support and to gather initial information for the Sports Industry Laboratory and Laboratory of Transformation of Youth Development.

In addition, IPPBM also produced a periodical publication for the dissemination and sharing of information to the public relating to youth. During the year 2010, IPPBM has successfully published two journals of *Malaysian Journal of Youth Studies*, 1 Youth and 1Malaysia Special Edition for the June 2010 edition and the edition of December 2010. IPPBM also published a book based on research carried out titled 'Risked Youth : Profiles, Factors of Causes and Inteventions'. In order to disseminate more information, IPPBM also published four issues of newsletter called the *Buletin Fakta IPPBM* in 2010. This is an effort by IPPBM to enrich the source of information and to expand the sharing of information to all stakeholders and the youth out there.

In this 21st century, the development and use of information technology becomes a necessity and choice to the user or customer to get information on an agency faster and easier. Thus, IPPBM always take a proactive and constantly improve IPPBM Portal Services. In addition to upload general





Selain memuatnaikkan maklumat-maklumat am mengenai IPPBM, Portal IPPBM turut memaparkan bahan-bahan penerbitan dan juga bahan-bahan penyelidikan untuk menjadi rujukan kepada orang awam khasnya dan juga para ahli akademik yang ingin mendapatkan maklumat mengenai kajian-kajian berkaitan pembangunan belia. Melalui kajian pemetaan belia, pihak IPPBM turut membangunkan peta belia secara online melalui alamat <http://petabelia.kbs.gov.my>. Justeru itu, pihak pelanggan boleh mendapatkan maklumat berkaitan dengan belia mengikut negeri dari segi populasi belia, penyertaan dalam persatuan, kemudahan sukan, kemudahan awam serta lain-lain yang berguna. Kaedah ini menggunakan perisian Geomedia Profesional dan Geomedia Webmap.

Dalam bidang penyelidikan selain menggunakan kaedah kajian lapangan, pihak IPPBM juga telah menaiktarafkan kaedah penyelidikan dengan menggunakan kaedah 'on-line survei'. Melalui kaedah ini, para responden kajian akan menerima emel jemputan penyertaan kajian dan satu url disediakan untuk memudahkan responden membuat capaian terhadap borang soal selidik. Kaedah 'on-line survey' ini akan memudahkan proses menganalisa data dan juga secara langsung juga turut mengurangkan kos pengkodan data bagi kajian yang dilaksanakan. Dalam tahun 2010 IPPBM telah berjaya melaksanakan 6 kajian melalui talian internet (on-line) melibatkan seramai 25,000 responden.

Sepertimana pihak kementerian yang lain, IPPBM juga tidak ketinggalan dalam membuat saluran hebatan melalui gerbang SMS kerajaan 15888 bagi ucapan hari lahir dan hebatan program-program Kementerian Belia dan Sukan kepada para belia yang mendaftar di Profil Belia. Ini secara tidak langsung akan mendekatkan para belia dengan pihak KBS di samping dapat menarik minat mereka menyertai program yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan Malaysia serta agensi-agensi di bawah KBS. Melalui cara ini sebaran maklumat dapat dilaksanakan dengan pantas terus kepada belia.

information about IPPBM, IPPBM Portal also display the publications and research materials for a particular reference to the general public and academicians who want to obtain information about the studies of youth development. Through youth mapping study, IPPBM also developed online Youth Map through the web address <http://petabelia.kbs.gov.my>. Therefore the customer can obtain information relevant to the youth population by state in terms of youth participation in associations, sports facilities, public facilities and other useful information. This method uses Geomedia Professional and Geomedia Web map Software.

Rather than using the field studies method, the IPPBM has also upgraded its research methods by using on-line survey. Using this method the respondents will receive an invitation to participate in the study via email and the URL is provided to the respondents for easy access to the questionnaire on-line survey. This will facilitate the process of analyzing the data and directly reduce the cost of data coding for the study implementation. In the year 2010 IPPBM has successfully implemented six research through internet (online) involving a total of 25,000 respondents.

IPPBM also create a channel to spread thoughts through the government gateway SMS 15888 for the birthday greeting and publicity programs for Ministry of Youth and Sports for the youth enrolled in youth profile. This in turn bringing the youth closer to KBS and attract them to participate in programs organized by the Department of Youth and Sports Malaysia and the agencies under the KBS. In this way, the dissemination of information can be made directly to the youth fast.

Praise to God, through the cooperation with parties involved with youth development in Malaysia, the achievement of IPPBM in youth development research and programs, has been improved this year. IPPBM would like to thank





Alhamdulillah, hasil daripada jalinan kerjasama dengan pihak-pihak yang terlibat dalam aktiviti pembangunan belia di Malaysia, IPPBM telah berjaya mempertingkatkan mutu produk dalam bentuk penyelidikan serta program-program yang telah dianjurkan. IPPBM mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam misi pembangunan belia di Malaysia. Ucapan beribu penghargaan dan terima kasih kepada semua warga kerja IPPBM yang dedikasi demi mencapai apa yang telah diamanahkan.


Semoga tahun 2011 akan memberi peluang kepada IPPBM untuk menyahut cabaran dan beroleh kejayaan yang lebih besar lagi demi transformasi yang direalisasikan oleh kerajaan.

HAJI ZAKARIAH MD. SAM  
KETUA PEGAWAI OPERASI

for those who involved in the mission of youth development in Malaysia. Thousands of thanks and appreciation to all dedicated employees of IPPBM in achieving what has been entrusted.


May the coming year 2011, IPPBM will response to the challenge and have even greater success for the transformation that has been realized by the government.

HAJI ZAKARIAH MD. SAM  
Chief Operating Officer





## Penyelidikan



## PENYELIDIKAN IPPBM SE PANJANG TAHUN 2010

Penyelidikan yang baik dan berorientasikan sasaran adalah elemen promosi yang tidak terpisah daripada strategi IPPBM. Bagi menyokong pembangunan belia dengan berkesan dan mapan, IPPBM mengambil langkah untuk mengkaji dan memahami corak kehidupan serta trend belia di Malaysia. Di samping itu, perbandingan secara positif terhadap polisi, dasar serta pembangunan belia di luar negara dilaksanakan. Pengiktirafan pengaruh yang positif dan negatif ke atas belia, pendekatan yang bersesuaian serta campur tangan yang positif dari pelbagai pihak terhadap pembangunan belia mampu mempengaruhi integrasi di kalangan belia Malaysia.

Oleh itu, penyediaan bahan bukti atau keterangan dalam semua bidang pembangunan belia adalah asas kepada strategi dan falsafah kerja Institut ini. Penyelidikan yang dilaksanakan oleh IPPBM adalah ke arah pembangunan psikologi, kognitif, emosi, intelektual, sosial, vokasional, akademik, ekonomi dan fizikal belia. Untuk tujuan ini, IPPBM jelas bergantung kepada semua disiplin saintifik yang membuat sumbangan kepada penyelidikan.

## KAJIAN ISU PEMBANGUNAN BELIA

Sepanjang tahun 2010, IPPBM telah melaksanakan beberapa penyelidikan dan kajian yang berkaitan dengan isu pembangunan belia di negara ini. Namun, terdapat tiga kajian yang dilaksanakan pada tahun 2010 yang berada pada peringkat pelaksanaan fasa 1 iaitu:

1. Indeks Belia Malaysia (IBM'10)
2. Pemetaan Belia Malaysia 2010
3. Fakta Belia Malaysia 2010

Disamping itu, IPPBM telah menjalankan dua buah kajian yang telah diselesaikan pada tahun 2010 iaitu:

1. Kajian Profil Belia Malaysia
2. Kajian Dasar Pembangunan Belia Negara (DPBN)

## PROJECT SUMMARY IPPBM RESEARCH DONE IN 2010

The promotion of excellent and target-oriented research is an inalienable element of the IPPBM's strategy. In order to be able to effectively and sustainably support youth development, we must examine and understand how youth develop. Besides that, the positive Assessment towards policy and overseas youth development was implemented. We must recognise the influences that positively and negatively affect them and discover suitable approaches and interventions that will positively influence their integration.

Therefore, the generation of evidence in all areas of youth development is the cornerstone of the strategy and philosophy of the day-to-day work of our Institute. We are interested in the psychological, cognitive, emotional, intellectual, social, vocational, academic, economic and physical development of young people. To this end, the IPPBM explicitly relies on all the scientific disciplines that make contributions to its research.


## STUDIES OF YOUTH DEVELOPMENT ISSUES

During the year 2011, IPPBM has implemented several research and studies related to youth development issues in the country. There are three studies conducted in 2010 which is at the phase 1 are:

1. Malaysian Youth Index (IBM'10)
2. Malaysian Youth Mapping 2010
3. Malaysian Youth Facts 2010

Apart from that, IPPBM also have finish to research on 2010. These research are:

1. Studies of Malaysian Youth Profile
2. Studies of National Youth Development Policy Review (DPBN)




## KAJIAN IMPAK & KEBERKESANAN PROGRAM DAN PEMBANGUNAN

1. Kajian Impak dan Keberkesanan Program Khidmat Masyarakat Skuad Sukarelawan Remaja Rakan Muda – UNICEF
2. Kajian ke atas Program Rakan Muda
3. Kajian Jejak Lepasan IKBN/KKBN/IKTBN (2006 - 2010)
4. Kajian Impak dan Keberkesanan SKUAD MUDA - RELA 2010
5. Kajian Impak Pinjaman Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB)
6. Kajian Keperluan Pengguna dan Potensi Industri Sukan
7. Kajian Impak Penganjuran Sukan (Formula 1 Petronas Malaysia GP)
8. Kajian Impak Penganjuran Sukan (Le Tour De Langkawi)
9. Penilaian Kem Interaktif Kepimpinan 'Crime Awareness Team 2010'
10. Kajian Kesan Pembinaan Gelanggang Futsal 1Malaysia Terhadap Minat Bersukan Dalam Kalangan Masyarakat
11. Kajian Impak Penganjuran Sukan (Piala Monsun)
12. Kajian Impak Penganjuran Sukan (Moto GP)
13. Kajian Gimnasium 1Malaysia Penjana Gaya Hidup Cergas dan Sihat
14. Kajian Kepuasan Pelanggan 2010: Cawangan Kualiti, Bahagian Khidmat Pengurusan
15. Penilaian Konvensyen Kelab Rakan Muda 2010

## THE IMPACT & EFFECTIVENESS STUDIES OF PROGRAMME AND DEVELOPMENT

1. *The Impact and Effectiveness of Community Service Program by Volunteer Squad of Rakan Muda Remaja - UNICEF*
2. *Studies on The Rakan Muda Program*
3. *IKBN / KKBN / IKTBN (2006 - 2010) Fresh Graduate Tracer Study*
4. *Impact Assessment and Effectiveness of RELA - YOUTH SQUAD 2010*
5. *Study on Economic Impact of Youth Loan Fund Scheme (STEB)*
6. *Research on Consumer's Needs and Potential of Sports Industry*
7. *Study of Impact on Sport Organizing (Formula 1 Petronas Malaysian GP)*
8. *Impact Study on Sport Organizing (Le Tour De Langkawi)*
9. *'Crime Awareness Team 2010' Interactive Leadership Camp Ratings*
10. *1Malaysia Futsal Court Impact Study on The Interest Among Community In Sports Activities*
11. *Study of Impact on Sport Organizing (Monsoon Cup)*
12. *Study of Impact on Sport Organizing (Moto GP)*
13. *Study of 1Malaysia Gymnasium as an Instigator of Active and Healthy Lifestyle*
14. *Study of Customer Satisfaction Survey 2010: Quality Unit, Management Services Division*
15. *Rakan Muda Club Convention 2010 Assessment*



## KAJIAN PENDAPAT AWAM ISU SEMASA


Selain melaksanakan Kajian Isu Pembangunan Belia dan Kajian Impak dan Keberkesanan Program, IPPBM juga menjalankan sebanyak enam (6) Kajian Pendapat Awam Isu Semasa pada tahun 2011 iaitu:

1. Hari Belia Negara 2010 Kali Ke-42
2. Belia dan Perancangan: KPI dan MKRA KBS
3. Kajian Mengenal Pasti Tahap Kebimbangan Isu Jenayah di Kalangan Belia
4. Persepsi Belia Terhadap Cadangan Pemansuhan PMR dan UPSR
5. Persepsi Terhadap Rasionalisasi Subsidi Kerajaan di Kalangan Generasi X
6. Persepsi Generasi Y ke atas Isu Pembuangan Bayi

## PUBLIC RESPOND STUDIES TO WORDS CURRENT ISSUES

In addition to undertaking studies of Youth Development Issues and The Impact And Effectiveness Studies of programme and development, IPPBM also carry six (6) public opinion survey of current issues in 2011 which are:

1. 42nd National Youth Day 2010
2. Youth and Planning: KBS's KPI and MKRA
3. Apprehension Level Identification Study of Crime Among Youth Issues
4. Perceptions of Youth Against Proposal For Abolishment of PMR And UPSR
5. Generation X Perception Towards Rational of Government Subsidy
6. The Perception of Generation Y on Child Abandonment Issues



# e- Confidential



Sebaran Maklumat



## PENERBITAN

Selaras dengan peranan dan fungsi IPPBM sebagai badan yang melaksanakan penyelidikan berhubung pembangunan belia, pada tahun 2010, IPPBM telah berjaya menghasilkan beberapa penerbitan iaitu:

Jurnal Pembangunan Belia Malaysia Edisi 3 2010 yang diterbitkan pada Disember 2010. IPPBM juga menghasilkan Malaysia Journal Of Youth Studies (Edisi Khas 1Malaysia) telah diterbitkan pada Jun dan Disember 2010.

IPPBM juga aktif menghasilkan Buletin Fakta IPPBM yang diterbitkan sebanyak empat (4) edisi setahun pada tahun 2010 (April, Jun, September dan Disember 2010).

Selain daripada itu, pada tahun 2010, IPPBM telah menghasilkan penerbitan khas iaitu Laporan Tahunan IPPBM 2009 dan Buku Belia Berisiko: Profil, Faktor Penyebab dan Intervensi yang diterbitkan juga pada September 2010.

Dengan pencapaian KPI terhadap penyelidikan dan program yang semakin meningkat dari tahun ke tahun, IPPBM mensasarkan penambahan penerbitan hasil daripada penyelidikan dan program anjuran IPPBM pada masa akan datang.

## SEMINAR ANJURAN IPPBM

Sepanjang tahun 2010, IPPBM telah terlibat dalam beberapa penganjuran program, konvensyen, persidangan dan dialog yang mana melaluiinya IPPBM dapat mengumpul maklumat dan maklum balas yang berkaitan dengan pembangunan belia di negara ini yang akan dapat membantu IPPBM menyediakan keperluan untuk kajian atau penyelidikan pada masa-masa akan datang.

Selain daripada itu, melalui penganjuran-penganjuran ini, input-input yang bersesuaian dapat diperolehi dan seterusnya disalurkan kepada KBS dan JBSN untuk tindakan susulan.

Tahun 2010, IPPBM telah menganjurkan:

1. Konvensyen Hari Belia Negara 2010 yang dilaksanakan pada 15 Mei 2010 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa Putrajaya (PICC). Konvensyen ini dianjurkan bersempena dengan sambutan Hari Belia Negara 2010. Konvensyen ini adalah anjuran bersama

## PUBLICATIONS

*Consistent with the role and functions IPPBM as the body carry out research on youth development, in 2010, IPPBM has published several publications, namely:*

*Malaysian Journal of Youth Development 3rd Edition 2010, published in December 2010.*

*IPPBM also produces 500 copies of Journal of Malaysian Youth Studies (Special Edition 1Malaysia) that was published in June and December 2010.*

*IPPBM also actively producing IPPBM'S Bulletin of facts which is produced four (4) issues in 2010 (April, June, September and December 2010).*

*In addition, in 2010, IPPBM has produced a special issue of the Annual Report IPPBM 2009 of 200 copies, published in September 2010 and the book - Risked Youth: Profiles, Factors of Causes and Interventions, published also in September 2010.*

*With the achievement on KPI for research and programme many studies and research that will be produced in the years to be, of course, the number of publications IPPBM will increase in future.*



## SEMINAR ORGANIZED BY IPPBM

*In 2010, IPPBM has been involved in organizing several programs, conventions, conferences and dialogues which through these events IPPBM have gather information and feedback related to youth development in the country that will help IPPBM provide the need for studies or research at such times future.*

*In addition, through this organization, appropriate inputs are available and then channelled to the Ministry and the JBSN to follow up.*

*In 2010, IPPBM organized:*

1. *National Youth Day 2010 Convention conducted on 15th May 2010 at the Putrajaya International Convention Centre (PICC). This convention was organized in conjunction with the 2010 National Youth Day celebration. This convention is jointly*



IPPBM dan Pendaftar Pertubuhan Belia (RoY) dengan memberikan fokus kepada isu yang berkaitan dengan Akta Pembangunan dan Pertubuhan Belia 2007 untuk dikongsi bersama para pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar di IPT.

2. Dialog YB Menteri Belia dan Sukan Bersama Pemimpin Pelajar dan Pemimpin Persatuan di IPT Awam yang diadakan pada 27 Julai 2010 bertempat Dewan Wawasan Rumah Universiti, Universiti Malaya. Program ini dihadiri oleh YB Menteri Belia dan Sukan dan juga pegawai-pegawai kanan Kementerian Belia dan Sukan. Program ini dilaksanakan di Institusi Pengajian Tinggi, Universiti Malaya bagi siri yang pertama dan telah melibatkan semua pemimpin Persatuan yang berdaftar di Universiti Malaya. Seramai 78 orang pemimpin persatuan daripada pelbagai Persatuan yang berdaftar di Universiti Malaya telah hadir dalam majlis tersebut. Pihak Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) bertindak sebagai urus setia bersama dalam pelaksanaan program ini.

3. Persidangan Meja Bulat 'Industri Sukan Di Malaysia: 'Sorotan Literatur' diadakan pada 7 September 2010 bertempat Hotel Marriott Putrajaya. Persidangan meja bulat siri 1/2010 ini memberi fokus kepada isu berkaitan dengan bidang industri sukan. Sebanyak lima (5) kertas kajian berkaitan industri sukan telah dibentangkan oleh beberapa ahli akademik daripada Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia dan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Persidangan Meja Bulat Siri 1 ini diadakan bagi mendapatkan input-input literatur bagi kegunaan Makmal Industri Sukan yang dilaksanakan oleh KBS.

4. Persidangan Meja Bulat 'Mengenali Generasi Zaman Sekarang' pula telah diadakan pada 23 September 2010 di Universiti Putra Malaysia (UPM). Persidangan Meja Bulat siri 2/2010 ini memberi fokus kepada isu pembangunan belia khusus untuk mendapatkan maklumat awal bagi digunakan untuk makmal pembangunan belia yang akan dilaksanakan oleh KBS. Persidangan ini membincangkan tema bertajuk "MENGENAL GENERASI" khusus isu berkaitan pengenalan generasi belia. Program ini merupakan program kerjasama dengan pihak Universiti Putra Malaysia.

organized by the Registrar of Youth (RoY) and IPPBM with focus on issues related to the 2007 Youth Development and to share with the leaders of the Student Representative Council at the university.

2. *Youth and Sports Minister Dialogue with Student Leaders and Leaders of Civil Society from local university held on 27th July 2010 at Vision House University Hall, University of Malaya. This program was attended by Minister of Youth and Sports as well as senior officers from the Ministry of Youth and Sports. The program is conducted in institutions of Higher Education, University of Malaya for the first series and has been involved by all the leaders of the Association registered under University of Malaya. A total of 78 leaders from a variety of associations registered with the Association at the University attended the ceremony. The Association of University Students (Students' Union) to act as the secretariat with the implementation of this program.*
3. *Sports Industry Roundtable Conference in Malaysia – "Highlights of Literature 'was held on 7th September, 2010 at Putrajaya Marriott Hotel. The roundtable series of 1/2010 is to focus on issues related to the sports industry. A total of five (5) sports industry-related research papers were presented by several academics from the University of Malaya, Universiti Putra Malaysia and the Football Association of Malaysia (FAM). A series of roundtable was held to obtain literature input for the use of Sports Industry Laboratory implemented by the Ministry.*
4. *Roundtable Conference Approaching Today's Young Generation, was held on 23rd September 2010 at the Universiti Putra Malaysia (UPM). Roundtable series 2 / 2010 focuses on youth development issues specific to the initial information to be used for youth development lab that will be implemented by the Ministry. This conference, discussing the theme entitled "KNOWING the GENERATION" specific issues related to the introduction of the young. This program is a collaborative program with the University Putra Malaysia.*



Program Transformasi Usahawan Belia Berdaya Saing dalam Pelbagai Sektor Perniagaan Oktober–November (11 siri). Program ini merupakan program sokongan bagi kajian Skim Tabung Ekonomi Belia. Program ini melibatkan peserta STEB yang telah mendapat pinjaman daripada Kementerian Belia dan Sukan di semua negeri. Melalui program ini, para peserta akan didekah dengan sesi ceramah dan penerangan mengenai maklumat untuk para peminjam ini mendapatkan dana tambahan sama ada dalam bentuk pinjaman atau geran bantuan di beberapa agensi kerajaan atau swasta selain KBS.

## PENGURUSAN MAKLUMAT

### PORTAL IPPBM <http://www.ippbm.gov.my>

Sepanjang tahun 2010 portal IPPBM (<http://www.ippbm.gov.my>) masih mengekalkan rekabentuk yang sama dan telah membuat penambahan beberapa

*5. Youth Entrepreneur Program Competitive Transformation of the Miscellaneous Business Sector October–November (11 series). This is a support program for the study of the Youth Economic Fund Scheme. This program involves STEB participants that has received a loan from the Ministry of Youth and Sports in all states. Through this program, participants will be exposed to a talk and explanation of this information to lenders for additional funds either in the form of loans or grant aid in several other government or private agency other than KBS.*


## NETWORKS AND PARTNERSHIPS

### PORTAL IPPBM <http://www.ippbm.gov.my>

*In the year 2010, IPPBM (<http://www.ippbm.gov.my>) still maintain the same design and has made few addition columns which are columns*

The screenshot shows the IPPBM website's main page. At the top, there are three tabs: RESEARCH, DISSEMINATION OF INFORMATION, and NETWORKING. The header features the IPPBM logo and the tagline "Memperkasakan Belia Malaysia". Below the header, there are several sections:

- Pengumuman:** A box containing a document titled "TAWARAN SEBAGAI PEMERANCI (ENUMERATOR) BAGI KERJA LAPANGAN KAJIAN INDeks BELIA MALAYSIA 2010 YANG AKAN BERMULA PADA JANUARI 2011".
- Berita Terkini:** A box listing recent news items such as "Pendaftaran budi anjur carnival kerjaya", "Majlis Belia Orang Asli akan diwujudkan", and "Lebih kurang berdua perkaasan wanita – Shabery".
- Kalendar Aktiviti 2011:** A table showing the dates for January through December 2011.
- Indiaan:** A section about Indians in Malaysia, mentioning that 83.01% of respondents use national currency.
- Mengenal IPPBM:** A box with a brief introduction to IPPBM, stating it is a national research institution under the Ministry of Youth and Sports.
- Jenis Bustan Kereta Yang Dimiliki Oleh Belia di Malaysia Yang Membeli Kereta Secara Tunai Dan Ansuran:** A bar chart comparing national and foreign car ownership.
- Hari Belia Negara 2011:** A banner for the National Youth Day 2011.
- Hubungan antara usaha dan pembentukan kepimpinan:** A section with a bar chart showing the relationship between business and leadership development.
- Statistik Belia:** A box with various statistics and links to related websites.
- Hiperlink:** A list of external links to other government agencies.
- Dikemaskini pada: 16 Mac 2011** and **Jumlah Pelawat: 49548**.



ruangan iaitu ruangan perolehan, animated gif graf kajian dan sumbangan artikel. Graf kajian dipaparkan pada laman utama portal bagi memberi maklumat kepada pengguna terhadap kajian yang telah dijalankan.


Ruangan perolehan pula mempunyai 3 sub menu iaitu tender, sebutharga dan pendaftaran pembekal. Ruangan ini dikhuskuskan kepada Unit Kewangan bagi mengiklankan penawaran tender dan sebutharga yang ditawarkan oleh IPPBM.

Ruangan sumbangan artikel adalah ruangan maklumat berkaitan penerbitan Malaysian Journal of Youth Studies untuk menjemput Ahli akademik dan penyelidik sains sosial menyumbangkan artikel mereka mengkhusus dalam bidang pembangunan belia.

#### **PEMETAAN BELIA MALAYSIA (PBM)**

<http://petabelia.kbs.gov.my>

Pihak IPPBM telah memulakan gerak kerja menaiktaraf sistem pemetaan belia dengan melantik Jawatankuasa Kerja Pemetaan Belia Malaysia yang dianggotai



for acquisition, animated research gif graf and contributing articles. Research graph is display on the main page to provide information to the users for research that has been done.


The column for acquisition has three sub-menus which are the tender, quotation and registration of suppliers. This section is dedicated to Finance Unit for advertising awarding tenders and quotations offered by IPPBM.

The column for contribution of articles are related to the publication information of Malaysia Journal of Youth Studies which mainly to invite academics and social science researchers contribute their articles on youth development.

#### **MALAYSIAN YOUTH MAPPING (MYM)**

<http://petabelia.kbs.gov.my>

IPPBM has started the work to upgrade the Malaysian Youth Mapping (MYM) by appointing Malaysian Youth Mapping Working Committee, comprising researchers and technical representatives from



oleh penyelidik dan wakil teknikal daripada Unit Pengurusan Maklumat IPPBM. Jawatankuasa ini bertanggungjawab kepada keperluan data melalui Kajian PBM dan keperluan teknikal yang melibatkan pembangunan sistem dan portal. Kajian keperluan sistem juga dilaksanakan bagi mengenalpasti keperluan baru dan menambahbaik elemen sedia ada di dalam sistem PBM.

Aspek teknikal yang telah dilaksanakan termasuklah kerja-kerja pemasangan dan konfigurasi perkakasan seperti server, workstation dan pencetak. Perisian Geomedia Profesional dan Geomedia Webmap yang terlibat dalam pembangunan sistem dan portal juga telah diperolehi. Jawatankuasa juga telah menetapkan struktur data bagi pangkalan data yang akan digunakan untuk setiap kategori pemetaan yang terlibat. Sistem dan portal PBM yang baru dijangka siap pada pertengahan tahun 2011.

#### SISTEM E-BELIA (<http://interaktif.kbs.gov.my/E-BELIA/>)



Sistem eBelia merupakan satu platform penting bagi membantu proses pengumpulan data belia seluruh negara. Sebanyak hampir 197,046 data profil belia telah didaftarkan sepanjang tahun 2010.

Sistem pelaporan juga telah dikemaskini yang melibatkan sebanyak 17 jenis laporan baru bagi memudahkan penjanaan laporan melalui sistem dilakukan. Antara jenis laporan yang terlibat seperti laporan jumlah belia mengikut negeri, bangsa dan jantina. Laporan ini juga boleh diperincikan sehingga ke peringkat daerah dan seterusnya maklumat setiap individu.

*IPPBM's Information Management Unit. This Committee is responsible to the needs of data through the MYM study and technical requirements involving systems and portal development. Study of System requirements were also carried out carryout to identify new needs and improving the existing elements in the MYM system.*

*Technical aspects that have been implemented, including work-installation and configuration of hardware such as servers, workstations and printers. Geomedia Professional software and Geomedia Webmap that was involved in the system development and portal has also been obtained. The Committee also has set the structure of data for a database that will be used in the mapping for each category involved. A new MYM systems and portal is expected to be completed in middle of 2011.*

#### E-BELIA SYSTEM (<http://interaktif.kbs.gov.my/E-BELIA/>)

*EBelia system is an important platform to help a process of data collection on youth throughout the country. About 197,046 youth profile were registered in 2010.*

*Reporting system has also been updated which involve a total of 17 new types of reports to facilitate the generation reports done by the system. Among the types of reports involved, such as reporting the number of youth by state, race and gender. This report also detailed up to the district level and further information on each individuals.*



## ONLINE SURVEY

Selari dengan perkembangan teknologi dan komunikasi, Bahagian Penyelidikan IPPBM mengambil inisiatif menjalankan Kajian Pendapat Awam Isu Semasa secara online. Kajian online yang telah dijalankan sepanjang 2010 melibatkan sebanyak 6 kajian. Kajian yang terlibat adalah seperti berikut:

- Kajian Online Kualiti Hidup Belia Siri 1
- Kajian Online Keberkesanan Program Rakan Muda
- Kajian Mengenalpasti Tahap Kebimbangan Belia Terhadap Isu Jenayah di Malaysia
- Kajian Persepsi Belia Terhadap Cadangan Pemansuhan UPSR dan PMR
